

TR 5:8:75

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
PENGERUSI BARISAN NASIONAL DI PEM-  
BUKAAN RASMI PERHIMPUNAN AGUNG  
PERSATUAN CHINA MALAYSIA (MCA) DI BALL  
ROOM, TINGKAT DUA, HOTEL FEDERAL,  
KUALA LUMPUR PADA 9HB OGOS, 1975

Y. B. Datuk Lee San Choon<sup>1</sup>, Ahli-ahli Jawatankuasa Pusat M C A ,  
Dif-dif terhormat, Saudara-saudara sekalian.

Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Datuk Lee San Choon, Presiden M C A dan anggota-anggota Jawatankuasa Pusat kerana sudi menjemput saya merasmikan Perhimpunan Agung M C A pada pagi ini.

Saya suka mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Lee San Choon yang telah dengan sebulat suara dipilih sebagai Presiden M C A yang baru menggantikan Tun Tan Siew Sin yang telah memimpin M C A selama lebih kurang lima belas tahun.

Semenjak M C A mula ditubuhkan dahulu hinggalah ke hari ini, saya dapati M C A dengan pucuk pimpinannya yang sihat dan cekap telah dapat mengubahsuaikan peranannya selaras dengan perkembangan politik di tanah air kita. Dengan adanya perubahan tersebut maka M C A telah dapat mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah badan siasah mewakili orang-orang China di Malaysia ini.

Saudara-saudara sekalian,

Mana-mana parti politik jua, terutama sekali parti-parti politik yang mendukung Kerajaan, mestilah tahu keadaan perubahan yang sedang berlaku dalam negeri dan mestilah tahu pula mengubah sikap serta peranan mereka bagi menyesuaikan diri dengan perubahan tersebut. Kalau kita tidak sedar dan tidak mahu mengindah akan perubahan-perubahan yang berlaku itu,

<sup>1</sup> Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

bererti peranan kita sebagai sebuah pertubuhan politik yang kuat dan kukuh akan lemah dan mungkin lenyap terns dari gelanggang politik negara ini.

Saudara-saudara sekalian,

Saya rasa gembira bahawa kesemua rakyat Malaysia telah menerima dengan baik Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa yang dapat menyatupadukan rakyat di negara ini. Bahkan saya dapati bahawa semenjak terlaksananya Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah kita asaskan bagi melahirkan satu bangsa yang kuat dan bersatupadu, kemajuan yang telah kita capai sangatlah membanggakan. Dan bahasa sebagai alat merapatkan golongan-golongan kaum di negara kita akan tetap dapat memainkan peranannya sebagai tali ikatan yang boleh menyatupadukan semua golongan di negara ini. Hanya setakat kita merombak sistem ekonomi sahaja tidaklah akan dapat kita ciptakan satu rupa bangsa seperti yang kita cita-citakan.

Semua kita yang terdiri dari apa kaum sekalipun mestilah menganggap negara Malaysia ini sebagai tempat tumpuan segala taat setia dan menjadikannya tempat kita semua berlindung. Negara Malaysia hanya akan berkeadaan yang demikian bilamana setiap rakyat yang kasih dan jujur terhadap negara ini memberi kesetiaannya dengan tidak berbelah bagi. Mereka yang memberi bantuan dan perlindungan kepada musuh-musuh negara adalah rakyat yang kesetiaannya sangat-sangatlah dicurigai.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam negara kita, pada ketika ini, ada didapati berbagai musuh yang cuba merosakkan negara ini. Kerajaan memang sedia menghadapi musuh-musuh tersebut. Tetapi usaha Kerajaan akan hanya berhasil jika musuh-musuh ini tidak mendapat sokongan atau perlindungan dari mana-mana pihak dalam negara ini. Mereka tidak mungkin dapat berkembang atau dapat menjalankan tindakan mereka jika tidak mendapat sebarang bantuan. Saya percaya kalau rakyat semua berpakat dan tidak memberi apa-apa bantuan kepada musuh-musuh itu, mereka tetap akan tumpas dalam masa yang singkat.

Saya percaya oleh kerana saudara-saudara adalah ahli-ahli politik yang sudah lama berkecimpung dalam arena politik tanah air tentu ketahui akan nasib beberapa parti politik yang telah lahir di negara kita tetapi telah tumpas sebelum pun berumur setahun jagung disebabkan asas dan tujuan parti-parti tersebut tidak sealiran dengan kehendak dan aspirasi rakyat. Ada yang cuba menggunakan ideoloji asing yang tidak sama sekali secucuk dengan keperibadian rakyat Malaysia. Ada pula yang memperjuangkan isu-isu yang sudah lapuk yang sudah diperjuangkan dengan jayanya semasa mencapai kemerdekaan dahulu.

Rakyat sendiri telahpun menghukumkan mereka dalam Pilihanraya yang sudah. Rakyat tidaklah dapat dipaksa untuk menerima sesuatu yang bertentangan dengan tatasusila dan rukun hidup kita semua. Tetapi mereka ini tidak juga mahu menerima keputusan rakyat itu dan masih juga terus cuba memaksa rakyat untuk menerima pandangan mereka.

Saudara-saudara sekalian,

As I was saying, I am happy to be present here this morning to officially declare open your Twenty-third General Assembly. I would like to take this opportunity to congratulate Datuk Lee San Choon who has been unanimously elected as the new President of M C A . He has been acting in that capacity since the resignation of Tun Tan Siew Sin, who had led M C A for more than fifteen years. Since its inception in 1949, M C A with its very able and mature leadership has been able to orientate itself constantly to the changing political situation in the country.

It is essential that orientation and re-orientation should take place constantly because as a party that holds the reign of power in the country, we have to be alert all the time as to the changing situation and it is absolutely essential that we should be ahead always in our anticipation as to what changes will take place. Unless we are able to do this, we shall soon lose our grip on the actual situation in the country.

We have witnessed a number of political parties that have gone into oblivion because of the inability of the leadership to grasp what is current and pertinent to the aspirations and needs of the people. They base their struggle on out-dated issues and concept.

Although they know what the verdict of the people is, they still refuse to accept such a verdict. They still want to impose on the people their beliefs. Such a party will never of course get the approval of the people.

I therefore hope that our members will realize that there are such groups and individuals who would like to pull us back into history so that we shall once again be involved in issues that have already been resolved. If we fall into their trap, this will indeed be to their own political interests. We have therefore to be vigilant and on the guard all the time so that we shall not fall prey to all their schemes.

Saudara-saudara sekalian,

Perhimpunan Agung yang diadakan pada hari ini ialah yang pertama kali diadakan selepas kita menghadapi Pilihanraya Umum bulan Ogos tahun sudah. M C A telah mencapai kejayaan yang gemilang dalam Pilihanraya tersebut. Ini menunjukkan bahawa apa yang telah saya sebutkan pada mula tadi adalah benar. Kalau-lah sekiranya M C A tidak mengubahsuai peranan dan pandangannya dengan keadaan yang sedang berlaku, sudah tentu sukar untuk mencapai kejayaan seperti yang disebutkan itu. Dengan adanya perubahan-perubahan tersebut, maka M C A telah dapat dari sehari ke sehari menjadi kuat dan ini juga melambangkan perpaduan yang telah dapat diwujudkan oleh M C A di kalangan masyarakat China di negara ini.

Saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ahli-ahli serta pemimpin-pemimpin M C A yang telah berusaha dengan jayanya menjalin perpaduan ini di kalangan masyarakat China. Ini juga adalah bukti menunjukkan bahav/a pemimpin baru M C A telah dapat sokongan kuat dari masyarakat China sendiri. Ini semua tidak mungkin akan berlaku jika sekiranya pemimpin-pemimpin yang mengambil alih M C A tidak dapat menyesuaikan diri dengan apa yang benar-benar menjadi kenyataan pada ketika ini. Saya harap pandangan jauh pucuk pimpinan sekarang akan berterusan demi kebaikan negara dan masyarakat Malaysia keseluruhannya.

Lanjut saya bercakap berkenaan perpaduan ini, suka saya mengucapkan tahniah sekali lagi iaitu berhubung dengan kejayaan yang dicapai oleh Barisan Nasional dalam Pilihanraya Kecil

Selayang baru-baru ini. Kejayaan ini adalah satu bukti menunjukkan adanya perpaduan di antara M C A dengan masyarakat keturunan China di Malaysia ini. Ini juga menunjukkan bahawa M C A adalah sebuah parti siasah yang sedang berkembang maju. Ahli-ahli M C A mestilah berjaga-jaga dan berwaspada agar perkembangan ini tidak akan terjejas.

Saya pentingkan masalah perpaduan ini ialah kerana saya percaya, dalam negara seperti Malaysia ini, kunci bagi segala kejayaan adalah terletak pada perpaduan segala lapisan rakyat di negara ini. Falsafah hidup kita bagi menjaga dan mengeratkan perpaduan di dalam masyarakat dengan lima prinsip yang terkandung dalam Rukunegara, mestilah kita jadikan panduan dan asas pergaulan kita sehari-hari. Hanya dengan cara demikian baru dapat kita elakkan diri dari dipengaruhi oleh anasir-anasir yang cuba hendak merosakkan negara ini.

Seperti yang saudara-saudara sedia maklum, Parti Komunis Malaya serta anggota-anggotanya adalah sekarang aktif menjalankan usaha bagi mematah segala tindakan yang sedang kita lakukan untuk kebaikan dan kesejahteraan rakyat. Saya telah sebutkan beberapa kali bagaimana perkembangan-perkembangan di negara-negara di Indo China telah sedikit sebanyak mempengaruhi kegiatan dan semangat ahli-ahli Parti itu. Mereka tentu akan berasa yakin atas segala kegiatan mereka jika sekiranya didapati dalam negara ini keadaan yang berpecah belah di mana rakyatnya bermusuhan sesama sendiri. Saya percaya tentu saudara-saudara semua faham atas akibatnya kalau negara ini mengalami keadaan yang sedemikian.

Musuh negara seperti yang telah saya sebutkan tadi adalah berbagai corak. Dan ketenteraman serta keamanan adalah menjadi soal besar pada masa sekarang. Bagi pihak Kerajaan semata-mata untuk menjalankan peranan ini adalah menjadi bebanan yang terlalu besar. Maka bagi pihak rakyat juga mestilah mengetahui tentang sifat-sifat hidup bermasyarakat. Mereka juga adalah mempunyai tanggungjawab yang tertentu kepada masyarakat, terutama dari segi keamanan dan ketenteraman. Kerajaan akan melaksanakan satu sistem untuk menjaga keamanan dan ketenteraman di negara ini di mana rakyat sendiri akan turut bersama-sama mengambil bahagian.

Sistem ini yang diberi nama Rukun Tetangga ialah unjuk melazimkan rakyat dengan perasaan bahawa keselamatan, kesejahteraan serta pengawasan harta benda adalah tanggungjawab mereka sendiri yang utama. Ini tidak dapat diletakkan bulat-bulat atas bahu Kerajaan semata-mata. Kerajaan hanya dapat membantu dan menolong mereka. Dengan terlaksananya nanti sistem ini, saya percaya kita akan dapat melumpuhkan musuh yang sedang cuba mengancam ketenteraman dan keamanan di negara kita.

Sebagaimana yang saudara-saudara sedia maklum, usaha dan tindakan bagi melahirkan kekacauan di negara ini adalah berbagai-bagai bentuk dan corak. Seperti yang telah saya sebutkan, semua kita rakyat Malaysia yang cintakan negara ini telah menerima dengan baik pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara ini. Dan berkenaan bahasa-bahasa lain pula, ini telah digunakan sebagai alat perhubungan yang bercorak tidak rasmi. Ini adalah terjamin dalam Perlembagaan dan menunjukkan bahawa bahasa-bahasa lain ada diberi tempat sewajarnya di Negara kita. Tetapi masih juga ada golongan-golongan yang cuba mengapi-apikan persoalan ini, untuk kepentingan muslihat mereka sendiri. Dan kita terpaksa berjaga-jaga berkenaan hal yang sedemikian itu.

Saudara-saudara sekalian,

Kita sekarang ini adalah dalam proses sedang membina sebuah negara Malaysia yang dapat melambangkan peribadi yang tersendiri. Dalam usaha mencapai matlamat ini, kita telah mengasaskan beberapa tindakan dalam semua bidang yang meliputi kehidupan sosio-ekonomi negara ini. Saya percaya dan yakin iaitu dengan adanya kerjasama dan juga perpaduan yang erat di kalangan rakyat, kita tentu akan dapat melahirkan rupa bangsa Malaysia seperti yang telah saya sebutkan itu.

I am glad to note that we all have accepted Bahasa Malaysia as the official language and the language that can unite all our peoples. Even so, this does not mean that we have curbed the use of the other languages as stated and entrenched in our Constitution. But what we are concerned with now is that there are groups and also individuals who continue to exploit this issue for their own personal interest.

I would like to urge all Malaysians to be very careful and wary in encountering such groups. We do not want to be again involved in issues that will harm the progress that we have so far achieved, especially in our desire to build a strong and united Malaysian nation.

Saudara-saudara sekalian,

Sebagai sebuah parti yang memegang tampuk pemerintahan Kerajaan, kita adalah menjadi sasaran dari segenap pihak. Kita menjadi idaman dan tumpuan dan kalau kita tidak berjaga-jaga maka akan dijadikan kita alat untuk golongan-golongan yang tertentu. Tetapi saya percaya ini semua dapat kita elak kalau kita sendiri berwaspada dan tahu benar-benar keadaan di dalam negara. Kita sendiri mesti tahu kehendak rakyat dan ini hanya boleh berlaku bila kita sendiri mendampingi rakyat dengan sedekat-dekatnya.

Pemimpin-pemimpin mestilah selalu berada bersama-sama dengan rakyat. Jika ini tidak dilakukan maka sudah tentu kita tidak akan ketahui apakah kehendak dan juga aspirasi rakyat sekalian. Dan kalaulah ini berlaku sudah tentu sokongan rakyat terhadap Kerajaan dan parti akan merosot dari satu masa ke satu masa.

Saudara-saudara sekalian,

Keadaan yang sedemikian itu dapat kita lihat buktinya dengan berlakunya beberapa peristiwa di beberapa negara di dunia ini. Pemimpin-pemimpin tersebut sudah tidak tahu lagi apa yang dikehendaki oleh rakyat yang dipimpinnya.

I am happy to see that M C A is able to foster greater unity and solidarity among the Chinese Community. This is indeed a good and significant development in our endeavour to bring complete understanding in the country. We cannot bring about a new united and strong nation unless the various communities themselves are able to each understand and comprehend their role vis-a-vis the others in the country.

I believe it is the role of the M C A , as a component party in the Barisan Nasional, to rally the Chinese around and guide them towards the correct role that they have to play in our desire and

aim to restructure society. We cannot live within the present structure as this has been created for the benefit of the colonialists. If we hold on to this structure, we shall never be able to eradicate poverty and thus bring about a just, prosperous and peaceful society.

It has always been the case that whenever changes and innovations are introduced in any society, this will create rupture to the old socio-economic fabric of that society. But, if these innovations are introduced slowly and gradually as what we have been doing, we see that the disruptive effect is very minimal in nature. As you are aware, it is not easy for any Government that practises democracy to institute changes that can transform that society overnight into a structure we all desire without first meeting opposition. But changes are necessary.

We had been subjected to colonial rule for a number of centuries and at the time of our political independence, we had to inherit a colonial structure that benefitted only a certain section of the community. Even then, the major portion of our economic life is dominated by the colonialists. It is impossible for us therefore to hold on to that colonial set up. What probably had been good to the colonial regime are now of disadvantage to us. We have, as I say, to change the structure so that the fruits of independence will be shared by all. To us the old liberal concept is no longer productive nor is it progressive.

Saudara-saudara sekalian,

Saya telah sebutkan beberapa kali dalam perhimpunan-perhimpunan serupa ini, betapa perlunya kita menjaga perpaduan dalam Barisan Nasional. Saya rasa gembira bahawa pemimpin-pemimpin parti anggota telah menyambut baik seruan ini dan berusaha bersungguh-sungguh untuk memupuk dan memperkembangkan perpaduan tersebut. Ini adalah mustahak kerana kekuatan Barisan Nasional adalah terletak di atas teguh atau tidaknya perpaduan di antara parti-parti anggota dan selagi kita dapat mengukuhkan perpaduan ini, kita tidak takut menghadapi mana-mana cabaran jua.

Untuk mencapai kejayaan dalam usaha kita menjalin perpaduan yang erat di kalangan anggota-anggota Barisan Nasional, perkara yang penting sekali yang harus kita lahirkan ialah kejujuran. Dalam semua perkara yang kita lakukan, biarlah diasaskan kepada kejujuran. Mana-mana perkongsian jua yang tidak berasaskan kejujuran akan menjadi satu perkongsian yang hanya bercorak sementara. Saya harap dan saya percaya bahawa dalam Barisan Nasional yang saya pimpin ini, perpaduan yang telah terjalin itu akan bertambah kuat dan kukuh kerana perpaduan kita adalah berasaskan kepada kejujuran.

Saudara-saudara sekalian,

Semenjak kita mencapai kemerdekaan UMNO telah dapat melahirkan perkongsian di antara parti-parti politik di dalam negeri ini demi kebaikan dan kesejahteraan negara dan rakyat. Perikatan dahulu telah dapat mengatasi serba macam cabaran kerana asas tertubuhnya Perikatan ialah kejujuran dari semua pihak. Kita telah dapat mencapai kejayaan demi kejayaan dan saya percaya, kita akan terus maju ke hadapan memimpin rakyat selagi kita dapat memperkukuhkan perpaduan yang telah kita lahirkan semenjak kita berjaya dalam Pilihanraya Umum tahun lalu.

Saudara-saudara sekalian,


Seperti yang saudara-saudara sedia maklum, tahun ini ialah tahun berakhirnya Rancangan Malaysia Kedua. Kerajaan cukup berpuashati dengan pelaksanaan projek di bawah Rancangan tersebut. Walaupun keadaan ekonomi tidak begitu memuaskan, tetapi segala rancangan di bawah Rancangan Malaysia Kedua telah dapat kita laksanakan dengan berjaya.

Pada masa ini kita sedang mengatur strategi bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam hubungan ini, saya telahpun menyebutkan iaitu kita akan menumpukan perhatian kepada kawasan-kawasan yang kurang maju. Dengan ini kita akan dapat memperimbangan kedudukan di antara daerah-daerah di dalam negara kita. Dan ini juga adalah selaras dengan tujuan kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini, tiap-tiap seorang kita ada peranan yang tertentu yang kena kita lakukan untuk menjamin kejayaan Rancangan tersebut. Sebagai ahli-ahli parti yang memerintah pula, tanggungjawab kita adalah lebih berat dari lain-lain orang. Saya berharap saudara-saudara semua akan dapat memahami benar-benar asas dan tujuan kita jalankan strateji ini kerana cuma dengan demikian sahaja dapat kita menjalankan peranan kita dengan sempurna dan berkesan.

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Perhimpunan Agung M C A yang ke dua puluh tiga ini dan berdoa semoga segala usaha Parti M C A akan mencapai kejayaan.



**Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sewaktu berucap di Mesyuarat Agung Tahunan Malayan Chinese Association di Hotel Federal, Kuala Lumpur pada 9hb Ogos, 1975**